

APLIKASI TAWJIH AL-QIRAAT DENGAN HADIS DI SISI IMAM AL-SAKHAWI DALAM *FATH AL-QASID FI SYARH AL-QASID*

Muhammad Fairuz bin A. adi¹
Mohamad Redha bin Mohamad²
Shaharuddin bin Saad³

¹ Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, FPPI, KUIS. fairuz@kuis.edu.my

² Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, FPPI, KUIS. mohamadredha@kuis.edu.my

³ Pensyarah Jab. Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, FPPI, KUIS. shaharuddin@kuis.edu.my

Artikel diterima: 6 Jan 2020

| Selepas Pembetulan: 25 Mei 2020

| Diterima untuk terbit 5 Jun 2020:

Abstrak

Tawjih al-Qiraat merupakan satu ilmu yang penting untuk dipelajari kerana ia merupakan ilmu yang menjadi penghubung kepada kefahaman terhadap sesuatu bacaan qiraat. Ilmu *tawjih* bukan sekadar untuk mendapatkan penjelasan kewujudan sebutan qiraat tersebut dalam ruang lingkup bahasa arab dari segi sebutan dan penggunaannya dalam tulisan mashaf *uthmani* bahkan ilmu ini juga berfungsi sebagai penjelasan makna-makna yang terhasil dari qiraat pelbagai. Aplikasi *tawjih* dalam perbincangan qiraat boleh dilihat dalam pelbagai karya ulama samada dalam karya qiraat mahupun tafsir. Imam al-Sakhawi merupakan salah seorang tokoh besar qiraat yang membahaskan bacaan qiraat berdasarkan bait syair *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Bicara beliau lebih menumpukan kepada perbincangan *tawjih* berbanding perbincangan bacaan riwayat qiraat. Antara metode *tawjih* yang digunakan oleh al-Sakhawi ialah *tawjih al-qiraat* dengan hadis nabawi. Objektif kertas kerja ini adalah menganalisis metode *tawjih* dengan hadis yang digunakan oleh al-Sakhawi dalam perbincangan beliau terhadap matan *al-Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menganalisis kandungan kitab *Fath al-Qasid fi Syarah al-Qasid* sebagai fokus kajian. Kajian mendapati al-Sakhawi menggunakan hadis sebagai salah satu metode dalam *tawjih* bagi mendapatkan pemahaman makna qiraat, mencari asal usul sebutan sesuatu qiraat dalam kalangan orang arab dan beliau juga menjelaskan kekeliruan yang timbul dalam hadis yang secara zahirnya kontradik dengan riwayat qiraat.

Kata kunci: Qiraat, *tawjih al-qiraat*, al-Sakhawi, *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, metode *tawjih*.

1.1 Pengenalan

Al-Quran dan al-qiraat tidak terhasil pengamalannya kecuali ianya bersumber dari proses talaqi Rasulullah SAW dengan Jibril AS. Nas-nas al-Quran dibacakan kepada para sahabat untuk dihafal dan ditulis secara rasmi oleh penulis wahyu yang dilantik dalam kalangan sahabat RA. Begitu juga ada para sahabat RA yang mengambil inisiatif untuk menulis nas-nas al-quran dalam mashaf mereka sebagai catatan persendirian. Hal yang sama berlaku kepada bacaan qiraat secara umumnya. Baginda mengambilnya dari Jibril AS seterusnya membacakan kepada para sahabat. ini menunjukkan hafalan dan penulisan qiraat telah bermula pada zaman nabi SAW kecuali hafalan merupakan satu kaedah yang dominan dalam kalangan sahabat terhadap penjagaan nas al-Quran.

Ilmu qiraat telah sampai kepada zaman *tadwin* (pembukuan) seawal kurun pertama yang dimulakan oleh imam Yahya bin Ya'mur (w.90) kemudian diteruskan oleh Abu Ubayd al-Qasim bin Sallam (w. 224) dan Abu Hatim Sajistani (w.225) (Sabri Mohamad & Faizul Amri 2010). Pada kurun ke empat hijrah, telah muncul Ibn Mujahid (w. 324) dengan kitabnya *al-Sab'ah* di mana beliau telah membataskan lambakan bacaan qiraat pada zaman tersebut kepada tujuh imam qiraat sahaja. Penghasilan kitab *al-Sab'ah* oleh ibn Mujahid ini merupakan titik tolak kepada perkembangan ilmu qiraat dengan lebih luas. Asas perletakan tujuh qiraat oleh ibn mujahid maka lahir ilmu *dirayah* berkenaan qiraat iaitu ilmu *ihitjaj al-qiraat* atau ilmu *tawjih al-qiraat* yang membicarakan dalil bagi setiap bacaan dari pelbagai sudut ilmu terutama ilmu nahu, sarf dan Bahasa.

Kurun ke enam pula telah muncul imam al-Syatibi (w.590) yang telah menyusun semula bacaan qiraat dengan gaya susunan yang lebih baik. Qiraat yang disusun oleh imam al-Syatibi berdasarkan karya qiraat yang dinamakan *al-Taysir* susunan imam al-Dani (w.444). Dengan sedikit penambahan, imam al-Syatibi telah menyusun segala qiraat dalam bentuk bait-bait syair yang dinamakan *Hirz Al-Amani Wa Wajh Al-Tahani*. Imam al-Syatibi telah memasukkan *Kitab al-Taysir* yang telah dikarang oleh Imam al-Dani (wafat 444H), beliau mengarang kitab tersebut di Daniyah, Andalus dan ianya terkenal dan masyhur di Andalus sendiri dan Maghribi yang mendapat sambutan hangat oleh para pelajar kemudian beliau membuat penambahan *khilaf* yang dikenali dengan (زيادات القصيد) (shaharudin Saad, 2018 :39). Kemunculan syair *hirz al-amani* telah memudahkan masyarakat mempelajari dan membaca riwayat qiraat yang pelbagai.

Penghasilan syair *Hirz Al-Amani Wa Wajh Al-Tahani* oleh imam al-Syatibi telah merencanakan lagi penghasilan karya qiraat terutamanya karya yang mensyarahkan bait-bait syair *Hirz al-Amani*. Mawlay Muhammad Idris (2002) seorang penyelidik dalam bidang qiraat telah menyenaraikan Lebih lima puluh lapan (58) kitab telah mensyarahkan *hirz al-amani*. Imam al-Sakhawi (w. 643) merupakan ulama' pertama yang menjelaskan (*syarh*) matan *Hirz al-Amani* di dalam kitab beliau *Fath al-Wasid Syarh al-Qasid* (Muhaimin, 2019: 57). Keunikan syarah yang dikarang oleh al-Sakhawi iaitu perbahasan yang *jami'* terhadap bait-bait syair *Hirz al-Amani* di mana beliau

menumpukan kepada tiga perkara iaitu syarah kepada matan, *tawjih al-qiraat* dan perbincangan kepada makna yang terhasil dari *tawjih al-qiraat*.

Penulisan ini membincangkan metode perbincangan al-Sakhawi dari sudut *tawjih al-qiraat* dengan hadis dengan mendatangkan lima contoh perbincangan al-Sakhawi terhadap bait syair *Hirz Al-Amani Wa Wajh Al-Tahani*.

1.2 Biodata Imam al-Sakhawi.

Nama sebenar Alim al-Din al-Sakhawi ialah Ali bin Muhammad bin Abd al-Samad bin Abd al-Ahad bin Abd al-Ghalib bin ghattas Abu al-Hasan al-Hamdani al-Sakhawi. Gelaran beliau adalah Abu al-Hasan sepertimana yang disepakati oleh para sejarawan islam. Lahir pada tahun 557/558 Hijriyyah di satu tempat dinamakan Sakha, Kafr al-Syaikh, Mesir. Seorang ulama yang menguasai bidang nahu, bahasa Arab, qiraat, tafsir dan adab. Kehebatan al-Sakhawi dalam qiraat menjadikan beliau sebagai tumpuan rujukan para ilmuwan untuk belajar dan mengambil riwayat qiraat. Beliau mengajar al-Quran di *Jami' Damsyik* lebih kurang empat puluh tahun. (al-Jazari, 2006, 1:502)(ibn Khallikan,1900, 3:340)

Kedatangan manusia yang sangat ramai untuk mengambil riwayat qiraat daripada al-Sakhawi menarik perhatian masyarakat di Damsyik. Ibn Jazari (2006) menaqqalkan kata al-Hafiz Abdullah yang menceritakan keadaan manusia ketika al-Sakahwi menjadi syaikh al-Qurra di Damsyik:

قال الحافظ أبو عبد الله في تاريخ الاسلام: قرأ عليه خلق كثير إلى الغاية ولا أعلم أحداً من القراء في الدنيا أكثر أصحاباً منه

Al-hafiz bin Abdullah berkata dalam kitab Tarikh al-Islam: terlalu ramai manusia mengambil bacaan dari beliau dan aku tidak tahu seseorang pun qurra dalam sejarah islam yang didatangi oleh begitu ramai manusia dan aku tidak mengetahui seseorang pun qurra di dunia ini yang begitu ramai ashab (perawi)

Antara guru al-Sakhawi dalam qiraat adalah seperti berikut (Ibn Jazari, 2006,1:502), (al-Qadhi, t.th: 24-25)

- 1) Imam al-Qasim bin Firruh bin Khalaf al-Syatibi (w.590)
- 2) Daud bin Ahmad bin Muhammad (w. 616)
- 3) Abi al-Fadl Muhammad bin Yusuf al-Gharnawi (w. 599)

- 4) Ghiyath bin Faris bin Makki (w. 605)
- 5) Zaid bin al-Hasan Abu al-Yaman al-Kindi (w. 613)

Antara ulama yang mengambil bacaan dari al-Sakhawi antaranya (Ibn Jazari, 2006,1:502), (al-Qadhi, t.th: 30-35):

- 1) Muhammad bin °Ali bin Musa al-Ansari (w. 657)
- 2) Al-Hafiz Abu Shamah °Abd al-Rahman bin Ismail (w. 665)
- 3) Qadi °Abd al-Salam bin °Ali al-Zawawi (w.681)
- 4) Al-Rashid Abu Bakr bin Abi al-Dar (w. 673)
- 5) Al-Taqiy Ya°qub bin al-Jarayidi dan ramai lagi seperti yang disebutkan dalam kitab *Ghayah al-Nihayah* oleh imam Ibn al-Jazari.

Al-Sakhawi wafat pada tahun 643 hijrah, bulan sya°ban pada hari ahad selepas waktu asar di Damshik. Beliau disemadikan di bukit Qasiyun pada hari isnin di perkuburan al-Bisani. (ibn Jazari, 2006,1:510) (al-Sakhawi, t.th, 7)

1.3 Kitab *Fath Al-Wasid Fi Syarh Al-Qasid*

Kitab *fath al-Wasid fi Syarh al-Qasid* hasil penulisan imam al-Sakhawi yang merupakan penerangan (*syarh*) terhadap bait-bait syair yang disusun oleh imam al-Syatib iaitu *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Al-Sakhawi dalam mukadimah kitab menyatakan tujuan yang paling utama terhasilnya kitab syarah ini adalah semata-mata niat beliau mendekati diri kepada Allah SWT. Seterusnya beliau melihat betapa pentingnya untuk memberi pencerahan makna terhadap syair yang disusun oleh imam Syatibi kerana bait-syair yang disusun oleh imam Syatibi mengandungi ilmu yang bakal memberi manfaat yang besar kepada masyarakat dalam ilmu qiraat. Beliau sendiri telah mempelajari bait-bait syair ni dengan imam Syatibi beberapa kali bacaan.

Walaupun kitab ini mensyarahkan bait-bait syair *Hirz al-Amani*, ia agak berbeza dengan kitab-kitab karangan ulama lain yang mensyarahkan syair imam al-Syatibi ini. Dalam *Fath al-Wasid*, al-Sakhawi lebih memfokuskan kepada perbincangan *°rab* dan makna *mufradat* (perkataan) dalam setiap *bait*. Seterusnya kepada *tawjih al-qiraat* serta perbincangan makna disebalik kepelbagaian bacaan berbanding perbincangan metode bacaan para imam qiraat semata-mata. Oleh yang demikian syarah yang dikarang oleh imam al-Sakhawi ini dilihat tidak sesuai kepada para penuntut yang baru mengenali dan berjinak-jinak dengan ilmu qiraat.

Tawjih al-qiraat atau *Ihtijaj al-Qiraat* merupakan satu ilmu yang memberi penjelasan dan hujah terhadap bacaan qiraat yang pelbagai (al-Mahdawi, 1995:18). Elemen *tawjih al-qiraat* yang dibawa oleh al-Sakhawi dalam *Syarah Fath al-Qasid* mendominasi corak perbincangan dalam karya ini. Al-Tahiri (2002) merupakan pentahkik kitab ini mendapati al-Sakhawi menggunakan tujuh kaedah tawjih dalam perbincangan beliau iaitu tawjih dengan al-Quran, hadis, *rasm uthmani*, *qiraat shadhdhah*, dialek kabilah Arab, nahu dan syair Arab.

Perbincangan yang menarik dan menyeluruh oleh al-Sakhawi terhadap bait-bait syair *hirz al-Amani* ternyata memberi pengaruh kepada ulama lain yang mengarang perbincangan syair ini. Antaranya imam Abu Syamah dalam *Ibrah al-Ma'ani*, abu ⁶Abbas al-Ja'bari dalam karya beliau *Kanz al-Ma'ani* dan ahli tafsir terkenal imam Abu Hayyan al-Andalusi dalam tafsir beliau *al-Bahr al-Muhit* (al-Tahiri, 2002, 192)

Oleh yang demikian, *fath al-wasid* merupakan kitab yang lengkap mensyarahkan maksud bait dari sudut makna tersurat setiap bait disamping makna *al-murad* (makna sebenar) ditambah dengan perbincangan lengkap berkenaan *tawjih* termasuk makna disebalik kepelbagai qiraat.

1.4 Tawjih Al-Qiraat Dengan Hadis Nabi SAW

1.4.1 Pada bait syair ke 550 surah Ali ⁶Imran:

وَفِي بَلَدٍ مَيِّتٍ مَعَ الْمَيِّتِ خَفَّفُوا X صَفَا نَفْرًا وَالْمَيِّتَةُ الْخَيْفُ حَوْلًا

Bait syair di atas membincangkan perselisihan para imam qiraat terhadap kalimah (ميت) dan (الميت). Perselisihan antara mereka adalah pada huruf *ya* sama ada dengan *sukun* (mati) atau dengan *tasydid* berserta kasrah (baris bawah). Menurut al-Sakhawi asal sebutan kalimah (ميت) menurut mazhab nahu aliran *Basrah* adalah *maywitun* (مويوت) manakala menurut ulama nahu bermazhab Kufah berbunyi *mawitun* (مويوت).

Dua sebutan ini kemudiannya diringankan dengan menukar huruf *waw* kepada huruf *ya* seterusnya berlaku *idgham* huruf *ya* kedalam huruf *ya*. Maka bacaan *tasydid* adalah yang asli (al-Sakhawi, 2004, 2:9). Dalam kaedah bahasa arab tanda *tasydid* (sabdu) diletakkan diatas huruf tertentu sebagai tanda telah berlaku proses *idgham*.

Seterusnya al-Sakhawi (2004, 2: 209) menyatakan sebahagian orang Arab susah untuk menyebut huruf *ya* yang bertasydid. Maka dibuang semula salah satu huruf *ya* untuk tujuan meringankan sebutan. Qiraat *maitun* (مَيْت) menurut al-Sakhawi mempunyai asas dalam sebutan Arab seperti *saidun* (سَيْد) dan sebutan yang ringan ini

menurut beliau adalah sepertimana sebutan Rasulullah SAW tanpa *tasydid* dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam *Syua'ab al-Iman*:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: " المؤمنون هينون لينون كالجمل الأنف، إن قيد انقاد، وإن أنيخ استناخ على صخرة "

"Orang-orang Mukmin itu mudah dan lembut. Ibarat seekor unta liar yang jika diikat, ia menjadi jinak; jika disuruh duduk di atas batu, ia patuh".

Al-Baihaqi, no 777

Lafaz *hainun* (هينون) dan *lainun* (لينون) dalam hadis di atas diriwayatkan tanpa *tasydid* pada huruf *ya* merupakan hujah kepada qiraat (ميت). Walaupun dalam hadis tidak disebutkan secara jelas berkenaan cara sebutan qiraat (ميت), sebutan secara *takhfif* (ringan) pada kalimah yang mempunyai *wazn* (timbangan) yang sama dengan (ميت) iaitu (هين) sudah mencukupi dijadikan sebagai hujah.

1.4.2 Pada bait syair ke 536 surah al-Baqarah:

نِعْمًا مَعًا فِي النُّونِ فَتُحْ كَمَا شَفَا X وَإِخْفَاءٍ كَثْرَ الْعَيْنِ صَبِغَ بِهِ خَلَا

Fokus utama perbincangan adalah sebutan huruf *nun* dan *ain* dalam kalimah *nifimma* (نعما). Lafaz ini diriwayatkan dengan tiga bacaan qiraat (al-Sakhawi, t.th,474):

1. *Fathah* huruf *nun* dan *kasrah* huruf *ain*
2. *Kasrah* huruf *nun* dan *ikhtilas kasrah* huruf *ain*⁴
3. *Kasrah* huruf *nun* dan *sukun* pada huruf *ain*

⁴ *Ikhtilas* merupakan istilah yang merujuk kepada sebutan yang laju dalam bacaan atau satu per tiga harakah.

Dalam perbahasan (نعما), al-Sakhawi menyatakan bacaan ke 3 adalah pilihan Abu Ubaid al-Qasim bin Sallam kerana lafaz tersebut merupakan *lughah al-nabi* (dialek nabi) ketika Rasulullah SAW berkata kepada saidina ^oAmru al-^oAs dalam hadis yang di riwayatkan oleh Imam Ahmad, no. hadis ۱۷۷۶۳:

حدثنا عبد الرحمن، حدثنا موسى بن علي، عن أبيه، قال: سمعت عمرو بن العاص، يقول: بعث إلي رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: " خذ عليك ثيابك وسلاحك، ثم ائتني " فأتيته وهو يتوضأ، فصعد في النظر ثم طأطأه، فقال: " إني أريد أن أبعثك على جيش فيسلمك الله ويغنمك، وأزعب لك من المال رغبة صالحة ". قال: فقلت: يا رسول الله، ما أسلمت من أجل المال، ولكني أسلمت رغبة في الإسلام، وأن أكون مع رسول الله صلى الله عليه وسلم. فقال: " يا عمرو، نعما بالمال الصالح للرجل الصالح

^oAmru al-^oAS berkata: Rasulullah mengutus utusan kepada dan dia berkata: ambil baju dan senjata mu kemudian datang kepadaku, maka aku pergi berjumpa Rasulullah SAW, ketika itu baginda sedang mengambil wuduk. Dia memandang ke arahku kemudian menurunkan pandangannya. Baginda berkata: aku ingin mengirimkan engkau pasukan tentera agar Allah memberi engkau kedamaian dan memberi hasil yang baik untuk engkau, dan aku memberi sedikit harta yang baik kepada engkau. Aku berkata: wahai Rasulullah, aku tidak memeluk Islam kerana semata-mata harta tetapi aku menjadi muslim kerana suka kepada Islam supaya aku dapat bersama Rasulullah SAW. Baginda berkata: wahai ^oAmru sebaik-baik harta yang elok itu untuk lelaki yang baik.

Musnad Ahmad, no 17763

Walaupun kandungan hadis tersebut bukan menceritakan tentang riwayat qiraat, ia dijadikan hujah oleh al-Sakhawi kerana melihat kepada cara sebutan sesuatu kalimah yang menjadi fokus perbincangan iaitu kalimah *nifimma* (نعما) kerana menurut imam Abu Ubayd al-Qasim sebutan nabi pada perkataan *nifimma* (نعما) adalah sama dengan qiraat yang diriwayatkan. Ini bermaksud sebutan *nifimma* wujud dalam kalangan orang Arab lebih-lebih lagi diucapkan sendiri oleh Rasulullah SAW.

1.4.3 Pada bait syair ke 458 surah al-Baqarah:

وَجَمْعًا وَفَرْدًا فِي النَّبِيِّ وَفِي النَّبِيِّ X تَاهُمَزْ كُلُّ غَيْرٍ نَافِعٍ اِبْدَلًا

Kalimah yang menjadi perselisihan imam qiraat adalah kalimah *al-nabiyy* (النبي) sama ada dilafazkan dengan huruf *hamzah* (النبيء) atau dengan sebutan *idgham* (النبي). Menurut al-Sakhawi qiraat dengan huruf *hamzah* merupakan sebutan asal dalam bahasa Arab. Apabila terlalu banyak digunakan dalam pertuturan, maka lafaz ini diringkan dengan membuang huruf *hamzah* dan mengantikannya dengan huruf *ya* seterusnya berlaku proses *idgham*.

Al-Sakhawi juga membincangkan makna kalimah (النبيء) dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Hakim dalam Mustadrak, no hadis 2906:

عن أبي ذر رضي الله عنه، قال: جاء أعرابي إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: يا نبيء الله. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لست بنبيء الله، ولكني نبي الله.

Daripada Abu dzar RA. Dia berkata: seorang Arab datang kepada Rasulullah SAW dan dia berkata: wahai nabi' Allah, Rasulullah SAW bersabda: aku bukan dipanggil dengan Nabi' Allah tetapi Nabiy Allah.

Al-Mustadrak, no 2906

Hadis di atas secara zahirnya nabi SAW tidak suka beliau digelar *al-nabi'* (النبيء) bahkan baginda kelihatan lebih suka dengan panggilan *al-nabiyy* (النبي). Maka, hadis di atas seolah-olah bertentangan dengan qiraat (النبيء) dengan huruf *hamzah* sedangkan status qiraat ini mutawatirah iaitu qiraat yang tiada pertikaian dari sudut kesahihannya.

Al-sakhawi dalam perbahasannya ternyata tidak bersetuju dengan hadis di atas dengan alasan hadis ini tidak sahih dari segi rantaian sanadnya. Beliau menambah

lagi, teguran Nabi SAW terhadap orang yang memanggil beliau dengan gelaran (النبيء) kerana kalimah ini ada membawa makna yang tidak selayaknya bagi Nabi SAW. Menurut al-Sakhawi:

وذلك أن أبا يزيد حكى: نبأت من أرض ألى أخرى فأنا أنبأ نبأ ونبؤا إذا خرجت منها. فأذا قال يا نبيء الله على هذا احتمال أن يريد: يا طريد الله الذى أخرجه من بلده إلى غيرها

Kerana Abu Yazid memberitahu: نبأت من أرض ألى أخرى فأنا أنبأ نبأ ونبؤا bermaksud aku “keluar dari kawasan tersebut”. Maka apabila seseorang berkata (يا نبيء الله) maka kemungkinan dia bermaksud “ wahai orang yang telah diusir/dibuang oleh Allah dari kawasan (tempat tinggal) ke kawasan yang lain. Jika ia membawa makna “orang yang diusir” maka, sebab itu Rasulullah SAW menegur orang tersebut yang memanggil beliau dengan gelaran (النبيء).

1.4.4 Pada bait syair ke 849 surah al-Kahfi:

وَحَامِيَةً بِالْمَدِّ صُحْبَتُهُ كَلَا X وَفِي الْهَمَزِ يَاءٌ عَنْهُمْ وَصِحَابُهُمْ

Bait syair di atas membincangkan kalimah *hamyiah* (حامية) yang mempunyai dua cara bacaan iaitu dengan sebutan huruf *ya* (حامية) dan yang kedua dengan huruf *alif* dan menggantikan huruf *ya* dengan huruf *hamzah* (حمئة). Al-Sakhawi menyatakan bahawa bacaan dengan huruf *ya* adalah *ikhtiyar* (bacaan pilihan) Abu Ubayd al-Qasim dengan alasan bacaan tanpa huruf *ya* ini merupakan bacaan para sahabat iaitu Ibn Mas'ud, Ibn 'Umar, 'Amru al-'As, 'Abdullah bin 'Amru al-'As, Talhah bin 'Ubaidillah dan Mu'ayyah (al-Sakhawi, 2204, 2: 218).

Dalam perbincangan *fath al-Wasid*, al-Sakhawi menyatakan qiraat (حمئة) mempunyai asas dari pertuturan orang Arab (حمئت البئر) yang bermaksud air perigi yang berlumpur. Manakala qiraat (حامية) membawa maksud panas. Kedua-dua kalimah ini dilihat bercanggah dari segi makna jika dilihat dari segi zahir tetapi, akhirnya al-Sakhawi membuat kesimpulan kedua-dua qiraat ini membawa yang sama iaitu “panas” walaupun iai berbeza dari sudut lafaz.

Al-Sakhawai turut mendatangkan hadis bertaraf sahih dari Sunan Abu Daud, no. Hadis 4002 sebagai hujah kepada qiraat dengan huruf ya:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: كُنْتُ رَدِيفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى حِمَارٍ، وَالشَّمْسُ عِنْدَ غُرُوبِهَا فَقَالَ: «هَلْ تَدْرِي أَيَّنَ تَعْرُبُ هَذِهِ؟» قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ «فَإِنَّهَا تَعْرُبُ فِي عَيْنِ حَامِيَةٍ»

“Daripada Abu Zar beliau berkata: aku menemani Rasulullah SAW dalam keadaan dia menunggang keldai dan ketika itu matahari sedang tenggelam, Baginda berkata: adakah engkau tahu di mana matahari ini tenggelam? Aku menjawab: Allah dan Rasulnya lebih mengetahui, Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya ia tenggelam dalam mata air yang panas”

Abu Daud, no 4002

Jelas di dalam hadis, Rasulullah SAW menggunakan lafaz (حامية) yang bermaksud “panas” dalam menceritakan kepada saidina Abu Zar kemana tenggelamnya matahari dan hadis ini bertepatan pula dengan penceritaan ayat di mana qiraat ini dibacakan iaitu berkenaan tempat matahari terbenam iaitu pada ayat 86 surah al-Kahfi:

(حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِنْدَهَا قَوْمًا قُلْنَا يَا الْقَرْنِينَ إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ وَإِمَّا أَنْ تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا)

Sehingga apabila ia sampai ke daerah matahari terbenam, ia mendapatinya terbenam di sebuah mataair yang hitam berlumpur, dan ia dapati di sisinya satu kaum (yang kufur ingkar). Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): "Wahai Zulkarnain! Pilihlah sama ada engkau hendak menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka".

Walau bagaimanapun lafaz di dalam hadis di atas tidak boleh dijadikan alasan untuk menidakkan atau menolak qiraat dengan *hamzah* (حمئة) kerana qiraat ini merupakan qiraat mutawatir. Dalam perbahasan ilmu tawjih, sesuatu hujah itu didatangkan bukan bermaksud menjadikan qiraat itu mutawatir atau *shadh*, tetapi lebih kepada penjelasan kepelbagaian maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan pelbagai sebutan dalam

qiraat.

1.4.5 Pada bait syair ke 471 surah al-Baqarah:

وَجِبْرِيلَ فَتُخَّ الْجِيمِ وَالرَّا وَيَعْدَهَا X وَعَى هَمْزَةٌ مَكْسُورَةٌ صُحْبَةٌ وَلَا

Pada bait syair di atas, kalimah yang mempunyai pelbagai sebutan dalam qiraat adalah Jibril (جبريل)

Kalimah dibaca dalam qiraat mutawatirah dengan empat wajah iaitu (al-Sakhawi: 2004, 1: 421):

- i. Jabra'il (جبرئيل)
- ii. Jabra'il (جبرئيل)
- iii. Jabril (جبريل)
- iv. Jibril (جبريل)

Menurut al-Sakhawi terdapat dua mazhab atau cara pertuturan bagi kalimah yang bukan berasal dari Arab (^oAjam). Pertama, dituturkan kalimah tersebut menurut *abni'ah al-^oarabiyyah* (struktur bahasa Arab). Yang kedua, dituturkan tidak mengikut *abni'ah al-^oarabiyyah* untuk memperlihatkan kalimah tersebut tiada asal usul dalam bahasa arab.

Begitu juga kalimah *Jibril* (جبريل) yang bukan berasal dari kalimah Arab. Oleh sebab itu sebutan untuk kalimah ini lebih dari dua sebutan (Ibn Zanjalah, 1997, 108). tetapi bagi qiraat *jabra'ili* (جبرئيل), menurut al-Sakhawi menyatakan:

وقد جاء في الحديث عن النبي صلى الله عليه وسلم: في ذكر صاحب الصور: (جبرائيل عن يمينه) فهذه حجة لقراءة حمزة والكسائي

Terdapat dalam hadis nabi SAW: menyebut berkenaan sahib al-sur: (jabra 'il disebelah kanannya), maka ini adalah hujah bagi bacaan imam hamzah dan Kisaei.

Terdapat sedikit kekeliruan sebutan dalam teks hadis yang dibawa oleh al-Sakhawi

dalam *fath al-wasid* jika dibanding dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dengan lafaz *Jabrail*:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ: ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَاحِبَ الصُّورِ فَقَالَ: عَنْ يَمِينِهِ جِبْرَائِيلُ، وَعَنْ يَسَارِهِ مِيكَائِيلُ

Dari Abu Sa'id al-Khudri berkata: Rasulullah SAW menyebut mengenai sahib al-sur maka baginda berkata disebelah kanannya Jibra'il dan disebelah kirinya Mikail.

Abu
Daud. No. hadis 3999

Begitu juga hadis yang sama diriwayatkan oleh imam Ahmad dengan lafaz *Jibri'l*:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَاحِبَ الصُّورِ، فَقَالَ: "عَنْ يَمِينِهِ جِبْرِيْلُ، وَعَنْ يَسَارِهِ مِيكَائِيلُ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ"

Dari Abu Sa'id al-Khudri berkata: Rasulullah SAW menyebut mengenai sahib al-sur maka baginda berkata disebelah kanannya Jibri'l dan disebelah kirinya Mikail

Musnad Ahmad. No. hadis 11069

Al-Sakhawi secara jelas menyatakan bahawa bacaan *Jabra'il* (جبرائيل) adalah bacaan imam hamzah dan kisaei sedangkan bacaan hamzah dan kisaei adalah dengan lafaz *Jabra'il* (جبرئيل). Kemungkinan yang dimaksudkan oleh al-Sakhawi ialah secara umum lafaz iaitu qiraat yang dibaca dengan huruf *hamzah* disebut dalam hadis tanpa memandang perincian sebutan.

1.5 Penutup

Peranan hadis terhadap *kitabullah* sangat sinonim dalam membantu pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Di dalam ilmu qiraat, antara peranan hadis yang dapat dikesan adalah dalam *ikhtiyar al-Qiraat*. Peranan hadis seterusnya adalah dalam ilmu *tawjih al-qiraat* dimana peranan unik hadis nabi SAW dalam ilmu *tawjih* adalah untuk menunjukkan

keberadaan atau kewujudan sesuatu sebutan qiraat dalam kalangan orang Arab sama ada dari segi tatabahasa atau dari segi sebutan.

Perbincangan di atas terbukti bahawa hadis nabi SAW telah membantu perbahasan *tawjih* imam al-Sakhawi terhadap bacaan qiraat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pada satu keadaan teks hadis secara jelas menunjukkan sebutan yang sama dengan qiraat, dalam satu keadaan yang lain pula sebutan kalimah dalam teks hadis tidak menunjukkan kepada qiraat yang diperbahaskan tetapi *wazn* pada kalimah tertentu yang berkaitan dengan sebutan qiraat dijadikan hujah dan dalil kepada qiraat yang dibincangkan. Al-Sakhawi juga dalam perbahasan beliau membincangkan serta menjelaskan maksud hadis yang dilihat bertentangan dengan qiraat mutawatirah.

Semoga dengan terhasilnya penulisan ini dapat memberi sumbangan kepada percambahan ilmu khususnya dalam lapangan ilmu qiraat seterusnya dapat menonjolkan jasa besar para ulama dalam usaha menjaga dan mengembangkan ilmu yang sangat mulia ini sehingga generasi hari ini dapat membaca dan mengambil hikmah disebalik kepelbagaian qiraat yang diwarisi dari Rasulullah SAW.

RUJUKAN

Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husin, 2003, *Syū'ab al-Iman*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Abd.Muhaimin, 2019, *Tajzi'Ah Al-Quran: Kajian Terhadap Peristiwa Al-Dani, Al-Sakhawi Dan Al-Safaqusi Dan Amalan Semasa Percetakan Mushaf*. Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah. USIM, Vol. 15, No. 2

Ahmad bin Hanbal, 2001, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Tahkik: Syuib al-Arnaut, Beirut: Muassalah al-Risalah.

Abu Daud, Sulayman bin Ash'as, t.th. *Sunan Abu Daud*, Beirut: Makbat al-Asriyyah

Al-Hakim, Muhammad bin Abdullah, 1990, *al-Mustadrak ala al-Sahihayn*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiyyah.

Al-Mahdawi, Ahmad bin Ammar, 1995, *Syarh al-Hidayah*. Tahkik: Said Hazim Haidar, Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Al-Sakhawi, Ali bin Muhammad,t.th, *Jamal al-Qurra wa kamal al-Iqra'*. Tahkik: Abd. Haq Abd. Daim Saif al-Qadhi, Beirut: Muassasah al-Kutb al-Thaqafiyah

Al-Sakhawi, Ali bin Muhammad, t.th, *Fath al-Wasid Syarh al-Qasid*, tahkik : Mawlay Muhammad Idris al-Tahiri, Maktabah al-Ruysd, T.tp.

Ibn Zanjalah, Abd. Rahman Bin Muhammad, 1997, *Hujjah al-Qiraat*, Beirut: al-Muassalah al-Risalah

Ibn Jazari, Muhammad bin Muhammad, 1971, *Ghayah al-Nihayah*, Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiyyah

Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad, ١٩٠٠, *Wafiyat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*, Beirut: Dar al-Sadir, Juz 3, hlm. 100.

Sabri Mohamad, Mohd Faizul Amri Mohd Saad. 2010. *Dinamika Ilmu Qira'at Qur'aniyyah*. Jab. Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah fakulti pengajian Islam. UKM.

Shaharuddin Saad, Ikmal Zaidi, Farhah Zaidar, Sidek Ariffin, 2018, *Perbandingan Tariq Al-Syatibi Dan Ibnu Al-Jazari Dalam Riwayat Hafs*, jurnal Qiraat KUIS, Vol. 1, Bil. 1.